

Penggabungan Aliran Sastera dan Sains Mampu Lahirkan Generasi Berbudi Pekerti: Sasterawan Negara

Terakhir dikemaskini: Rabu, 30 Oktober 2019 16:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 26

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



RABU, 30 OKTOBER -
Sastera mengajar masyarakat berbudi pekerti melalui penggunaan bahasa yang baik termasuk bagaimana melafazkan kata-kata secara lemah lembut bukan sahaja penulisan malah dituturkan secara harian termasuk di kampung-kampung, pementasan atau tayangan layar putih.

Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr Haji Mohamad Salleh berkata, justeru, penggabungan sastera dan sains dalam sistem pendidikan negara merupakan suatu langkah yang wajar daripada Kementerian

Pendidikan Malaysia bagi membentuk masyarakat yang saling hormat menghormati serta mempunyai adab kesopanan yang tinggi.

“Berdasarkan pengalaman saya melawat lebih 70 buah negara, saya berpendapat rakyat di negara ini berada antara pada kedudukan yang tertinggi jika dinilai mengikut kriteria tahap kekasaran masyarakat.

“Saya percaya pemunggiran sastera selama bertahun-bertahun dalam sistem pendidikan merupakan antara penyebab masyarakat di negara ini berkelakuan sedemikian, kurangnya adab dan rasa hormat kepada orang lain.

“Bukan sahaja dari segi pertuturan sehari-hari, malah saya sendiri tidak berani untuk terlalu kerap ke pasar raya kerana sering dilanggar mungkin kerana saiz tubuh badan yang agak kecil yang bagi saya sikap individu seumpama ini agak keterlaluan serta tidak menghormati orang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Dialog sempena Program Pertemuan Bersama Sasterawan dan Ilmuan Negara anjuran Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS), hari ini.

Menurut Prof. Emeritus Dr Haji Mohamad, pengasingan aliran sastera dan sains tidak berlaku di negara Jepun dan beberapa negara lain yang lebih maju di barat.

Katanya, ungkapan-ungkapan rasa atau expresi diri dengan lengkok dan gaya bahasa mengikuti tatussila budaya masyarakat Malaysia tidak diajar dalam mata pelajaran seperti kejuruteraan, sains atau matematik.

“Oleh yang demikian saya memuji usaha Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik untuk menggabungkan semula aliran sastera dan sains ini ke arah membentuk generasi yang seimbang, yang lebih berfikir dan menjadi manusia yang lebih baik.

“Seperti yang saya nyatakan tadi, pemisahan dua aliran ini tidak berlaku di Jepun kerana mereka sangat bangga dengan budaya mereka, sastera mereka dan malah Jepun adalah paling tinggi tamadunnya paling halus

manusianya, dan kalau kita perlu mencontohi mereka kita harus mencontohi negeri-negeri seperti Jepun,” jelasnya yang sebelum ini pernah menjadi pensyarah felo di negara matahari terbit tersebut.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengurus Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Datuk Ismaily Bungsu; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Sabah, Rusdi Awang; dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FKSW UMS, Dr. Mohammad Puad Bebit.